

23/09/1998

ComIL asas penggunaan teknologi maklumat

ANTARA tujuan pembentukan Institut Mikroelektronik Malaysia (Mimos Berhad) membangunkan Sistem Pembelajaran Sepadu Berkomputer atau singkatannya ComIL ialah untuk membantu mempercepatkan penggunaan teknologi maklumat di negara ini. Ikuti temu bual Wartawan Unit Pendidikan, Mohd Feroz Abu Bakar dengan Ketua Unit ComIL yang juga Penyelidik Sistem Pembelajaran Bestari Mimos, Mohd Azman Bidin mengenai keupayaan sistem itu bagi mencapai matlamat itu.

Soalan: Bila ComIL dibangunkan?

Jawapan: Lanjutan daripada cadangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang meninjau keperluan penggunaan komputer dalam pendidikan, ComIL atau Computer Integrated Learning System terbina hasil daripada projek penyelidikan dan pembangunan Sistem Pembelajaran Berkomputer yang mula dijalankan pada Februari 1989. Pengeluaran sistem ini dimulakan dengan Versi Alfa berasaskan DOS atau Disk Operating System. Sistem ComIL terhasil daripada gabungan dua badan yang memiliki kepakaran yang berlainan, iaitu Mimos dalam pengkomputeran dan Kementerian Pendidikan dalam bidang pendidikan. Gabungan ini membawa kepada pembentukan Makmal Teknologi Komputer (MTK) di Kementerian Pendidikan yang beroperasi membangunkan Sistem Pembelajaran Sepadu Berkomputer atau ComIL.

Sistem ComIL alat pengajaran yang direka bentuk dan telah melalui proses pengubahsuaian serta pengujian yang menyebabkan peningkatan dalam versi, iaitu Versi Alfa dan Beta.

Penilaian terhadap Sistem ComIL secara intensif pernah diadakan di Universiti Sains Malaysia pada 20 April 1992 seterusnya diterima pakai di 60 sekolah, maktab perguruan dan institusi pengajian tinggi.

Pada 1993, pembangunan Sistem ComIL yang beroperasi berasaskan Sistem Windows dimulakan. Pada awal tahun ini, Sistem ComIL telah ditingkatkan daripada 16 bit kepada 32 bit. Sistem ini dibangunkan dengan mengambil kira keperluan pendidikan semasa, perkembangan teknologi dan keperluan pengguna.

Pada Mei baru-baru ini, sistem ComIL dengan rasminya dipasarkan kepada umum. Sistem ini akan dibekalkan kepada semua sekolah projek pembelajaran Bestari Mimos, Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dan digunakan oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) untuk kursus Multimedia.

Soalan: Apakah tujuan perisian ini dibangunkan?

Jawapan: Sistem ComIL adalah alat perisian yang digunakan bagi menghasilkan sebuah perisian kursus (courseware) bercirikan multimedia. Selain itu, sistem ini juga boleh digunakan untuk penyediaan bahan persembahan atau presentation.

Sistem ini mudah digunakan kerana menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa antaramuka (interface) pengguna. Sistem ComIL terdiri daripada dua aplikasi utama, iaitu Editor Pengajaran dan Pengimbas Perisian.

Editor Pengajaran membolehkan pembangun perisian kursus menghasilkan pakej pembelajaran dengan lebih pantas. Pembangunan perisian mewujudkan daya fikir kreatif dan kritis di kalangan pelajar menerusi pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran.

Perisian kursus yang dihasilkan menggunakan Editor Pengajaran terdiri daripada gabungan gambar, audio, teks, animasi, video, pangkalan data dan arahan bahasa ComIL.

Editor Pengajaran menyediakan kemudahan seperti mengimport fail gambar

berjenis bmp, gif, tif, jpg, pcx, tga, wmf, wpg atau dib; mengimport fail gambar animasi gif; mengimport fail video berjenis avi; mengimport fail bunyi berjenis wav atau mid; mencipta teks yang mengikut standard windows; pilihan kesan visual menggunakan atribut pada objek atau menggunakan arahan bahasa ComIL yang disediakan; boleh mengubahsuai warna yang dikehendaki pada objek yang dipilih; boleh mengubahsuai font yang dikehendaki pada objek yang dipilih; boleh memindahkan objek yang dipilih ke destinasi yang yang dikehendaki; boleh memapar, mengedit, menambah serta menghapus data menggunakan bahasa ComIL dan pangkalan data Microsoft Access 2.0 ke atas dan kemudahan mengkompil (compile) atau menyusun perisian kursus (untuk mengelakkan perisian kursus daripada disunting) selepas perisian kursus disiapkan.

Dengan menggunakan kemudahan-kemudahan Editor Kepengarangan dan dibantu oleh penggunaan arahan bahasa ComIL yang disediakan, pembangun perisian kursus boleh menghasilkan satu perisian kursus berbentuk tutorial, latihan atau simulasi di dalam pelbagai bentuk.

Latihan-latihan yang bercorak mengisi tempat kosong, soalan objektif atau padanan boleh disampaikan dengan berkesan menggunakan Editor ini. Gabungan kemudahan Editor Pengarangan dengan pangkalan data membolehkan pengguna mencipta bank soalan.

Aplikasi kedua, iaitu Pengimbas Perisian berfungsi untuk mengimbas perisian yang telah dibangun menggunakan Editor Pengarangan. Pengguna perisian kursus atau persembahan beriteraksi secara langsung dengan komputer menggunakan aplikasi ini.

Soalan: Bolehkah guru yang tidak mahir komputer menggunakan perisian ini?

Jawapan: Perisian ini direkabentuk agar mesra pengguna atau mudah digunakan oleh sesiapa sahaja yang mempunyai pengetahuan asas komputer. Ini disebabkan perisian ini mempunyai banyak keunikan seperti Alat Pengarangan yang pertama dalam bahasa Melayu.

Perisian ini boleh disesuaikan untuk semua peringkat umur dan tahap pengajian kerana perisian ini mempunyai bahasa arahan dan bahasa skrip dalam bahasa Melayu.

Sistem ini mempunyai kemudahan menggunakan pangkalan data dan arahan skripnya juga mudah serta ringkas. Sistem ini dapat diubah suai mengikut keperluan pengguna.

Soalan: Apakah subjek yang paling sesuai dengan perisian ini?

Jawapan: Sebenarnya, perisian ini tidak dibangunkan untuk pengajaran dan pembelajaran subjek tertentu kerana kemudahan yang disediakan boleh digunakan hampir untuk semua subjek. Bahan yang disediakan boleh disesuaikan dengan tahap penerimaan pelajar sekolah menengah atau murid sekolah rendah.

Selain itu, perisian ini juga sesuai digunakan oleh guru di semua institusi pendidikan, pensyarah, pembina perisian kursus, warga korporat, iaitu untuk pemasaran dan latihan serta untuk orang perseorangan.

Soalan: Hingga kini, setakat mana keberkesanan perisian ini?

Jawapan: Murid sekolah rendah menerima ComIL sebagai asas menggunakan bahan pengajaran perisian yang menggunakan arahan bahasa Melayu. Dengan membiasakan mereka mengendalikan sendiri komputer dan menyiapkan sesuatu tugas, dapat mengatasi masalah fobia komputer atau takut kepada komputer di kalangan pelajar sekolah menengah atau murid sekolah rendah.

(END)